

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YB DATO SRI HAJAH NANCY SHUKRI**

**MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA  
SEMINAR KEBANGSAAN ALAM & TAMADUN MELAYU:  
“MEMPERKASA WARISAN, SEJARAH, ADAT & JATI DIRI BANGSA  
MELAYU  
PADA 9 HB NOVEMBER, 2021**

---

Terima kasih saudara Pengacara majlis

Bismillahirrahman-Nir-Rahhim

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh dan Salam sejahtera

**Yang Berbahagia Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

**Yang Berbahagia Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim**

Ketua Pengarah

Jabatan Muzium Malaysia

**Yang Berbahagia Prof. Dato' Ts. Dr. Ekhwan Toriman**

Naib Canselor, UKM

**Yang Berbahagia Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan**

Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM

**Yang Berbahagia Prof. Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin**

Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik UKM, juga selaku penyampai ucapatama

Para Sarjana Alam Melayu yang bakal membentangkan kertas kerja sepanjang dua hari seminar berlangsung.

Seterusnya, puan-puan dan tuan-tuan yang mengikuti secara langsung program Seminar Kebangsaan Alam dan Tamadun Melayu pada hari ini.

1. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kehadiran para sarjana yang bakal membentangkan kertas kerja pada hari ini dan juga para peserta yang mengikuti secara langsung Seminar Kebangsaan Alam dan Tamadun Melayu di ruangan maya.
2. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah mengambil daya usaha dalam menjayakan seminar ini. Penghormatan yang diberikan kepada saya untuk berbicara sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan seminar ini, saya ucapkan ribuan terima kasih.
3. Saya difahamkan oleh pihak penganjur, seramai lima belas (15) orang sarjana tempatan daripada pelbagai disiplin ilmu mengambil bahagian dalam seminar ini. Secara peribadi, saya amat menghargai sumbangan para sarjana dalam merungkai kembali peradaban Alam dan Tamadun Melayu terutamanya berkaitan dengan kajian-kajian terkini yang kadang-kala jarang diutarakan

oleh pihak media massa dan kurang mendapat perhatian umum. Justeru itu, seminar inilah medan terbaik untuk melontarkan suatu pandangan dan idea baru tentang Dunia Melayu dari segenap bidang ilmu yang sememangnya amat bermanfaat untuk dijadikan rujukan pada masa akan datang.

4. Bagi saya, seminar ini juga bakal menjejak kembali sejarah tentang kehebatan tamadun tempatan yang mana kita tahu bahawa tamadun dan bangsa negara ini pernah dikenal dengan nama bangsa China, India, Arab dan Yunani. Manakala, di kalangan para ilmuwan moden, Alam Melayu dikenali dengan berbagai-bagai istilah, ada yang menyebut Melayu-Polinesia, *Malay-Archipelagoes*, Malaysia atau Indonesia sahaja. Sementara itu bagi bahasa Melayu, ada yang menggunakan istilah keluarga bahasa Austronesia atau Melayu Austronesia.
  
5. Berdasarkan kawasan geografi Nusantara yang begitu luas, maka tidak hairanlah kita mengapa tamadun di rantau ini amat kaya dengan kebudayaan serta ciri-ciri yang tersendiri. Catatan bertulis tamadun tempatan sekurang-kurangnya sudah wujud pada abad pertama Masihi. Tetapi rekod tamadun Melayu yang lebih jelas dapat dikesan pada abad keempat Masihi dengan prasasti Melayu kuno Campa dan pada abad ketujuh dengan prasasti Melayu kuno Kedukan Bukit, Sumatera Selatan. Pendek kata, tinggalan sejarah warisan tamadun tempatan adalah cukup banyak untuk diwarisi. Saya berpandangan, para sarjana tentunya lebih arif tentang perkara ini.

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

6. Tamadun di rantau ini tidak hanya dibina atas asas kebendaan semata-mata, tetapi ia juga dibina atas asas kerohanian, pemikiran dan keilmuan. Oleh sebab kedudukan alam Melayu ini amat strategis, maka tamadun di rantau ini telah banyak menerima unsur-unsur daripada tamadun India, Parsi, China serta tamadun Islam dan Barat; semuanya ini memperkaya tamadun sedia ada.
7. Pada masa lalu penyelidikan tentang tamadun Melayu banyak dilakukan oleh sarjana Barat. Sehingga ada kalanya berlaku *bias*, salah interpretasi dan sebagainya dalam sejarah rantau ini. Sekarang sudah sampai masanya penyelidikan yang serius dibuat oleh sarjana-sarjana kita sendiri kerana mereka lebih memahami akar umbi dan perkaitan sejarah serta warisan di Alam Nusantara.
8. Dewasa ini, institusi pengajian tinggi negara kita banyak menjalankan kajian, meliputi ilmu sosial, sains dan teknikal. Kita juga memiliki beberapa pusat rujukan penyelidikan seperti Arkib Negara, Perpustakaan Negara, Jabatan Warisan Negara dan termasuklah Jabatan Muzium Malaysia. Di samping itu kita juga mempunyai institusi-institusi penyelidikan sains dan teknologi dalam semua bidang. Jadi soal kemudahan untuk menjalankan penyelidikan ini seharusnya tidak timbul lagi.
9. Saya berharap dalam membuat kajian tentang tamadun Melayu, kita harus berani dan tidak terikat dengan teori-teori lama Barat. Dengan bukti-bukti dan fakta-fakta baru maka hasil kajian akan lebih menepati matlamat bangsa dan negara. Malah, sebelum

kedatangan pengaruh luar, Hindu, Islam dan Barat, masyarakat di rantau ini telah pun mempunyai pengetahuan sains dan teknologi yang tersendiri, sesuai dengan falsafah dan pegangan hidup kita. Oleh sebab keadaan geografi yang dikelilingi laut, maka ini telah menjadikan segelintir daripada kita berjiwa dan berwatak pelaut serta pelayar. Dengan kekayaan sumber daya alam, bangsa kita telah pandai membuat perahu layar yang dapat mengharungi samudera dari Timur hingga ke Barat.

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

10. Menyentuh tentang 'Alam Melayu' di Malaysia, kita dapat menyoroti peninggalan tamadun purba zaman proto sejarah di Lembah Bujang, Kedah. Dalam tempoh masa yang diwarnai dengan pengaruh beberapa kerajaan Melayu awal seperti Sriwijaya dan Langkasuka ini telah meninggalkan sejumlah objek budaya yang menonjolkan sifat-sifat pencapaian tamadun yang dikatakan mempunyai rangkaian daya cipta antara kawasan di Semenanjung Malaysia, Indo China dan Indonesia.
11. Rentetan daya cipta di Alam Melayu inilah telah memperlihatkan kesinambungan pemikiran rumpun bangsa Melayu yang tidak hanya terhad kepada hasil-hasil material yang bersifat monumen dan keagamaan semata-mata tetapi juga bersifat seni halus, seni ukir, seni tari dan drama serta seni silat dan sebagainya. Begitu juga dengan hasil-hasil *non-material* yang mencakupi pemikiran dan falsasah yang terjelma dalam naskhah-naskhah kesusasteraan klasik umpamanya *Sulalatus Sulatin*, *Tuhfat Al Nafis*, *Bustan Al Sulatin*, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Merong

Mahangsa, Hikayat Seri Rama dan Hikayat Seri Kelantan. Daya intelektual dan keindahan pemikiran para pujangga tempatan bukan sahaja diakui di Alam Melayu malah ianya telah diakui di peringkat global. Lantaran itu juga, teks-teks ini menjadi rujukan utama bagi pentadbir dan sarjana kolonial bagi mengkaji dan meninjau *world view* dan intelektual di Nusantara.

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

12. Dalam konteks dunia moden khususnya di Malaysia, 'Dunia Melayu' telah diangkat sebagai teras utama dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 (DKK 1971). Walau bagaimanapun dalam masa yang sama, DKK tidak pernah sunyi dari berhadapan dengan beberapa cabaran berhubung dengan pembentukan kebudayaan dan perpaduan nasional lantaran kerencaman masyarakat Malaysia terdiri dari pelbagai suku bangsa dan latar budaya. Pada masa yang sama, muncul pandangan dan cadangan supaya DKK 1971 ditambah baik dan satu dasar kebudayaan baru yang lebih efektif dibentuk demi memupuk penyatuan dan perpaduan rakyat berlandaskan konsep kebudayaan nasional yang mana ianya memberi ruang kita memahami perbezaan agama, bahasa, ras, etnik dan budaya yang wujud dalam negara kita.
13. Rentetan daripada itu, suka saya nyatakan bahawa baru-baru ini pihak MOTAC telah pun melancarkan Dasar Kebudayaan Negara atau DAKEN 2021 bagi menggantikan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971. Berpaksikan matlamat utamanya, DAKEN 2021 bertujuan untuk membentuk masyarakat berbudaya nilai tinggi

melalui pelaksanaan kebudayaan kebangsaan, budaya sukuan, warisan khazanah dan kecemerlangan budaya. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan dan keperibadian serta jati diri rakyat serta pengukuhan identiti nasional.

14. Saya fikir tidak ada sebuah negara lain di dunia yang mempunyai keistimewaan seperti Malaysia di mana budaya dan tamadun besar bertemu dan menyerap masuk ke dalam kebudayaan tempatan. Saya juga mengharapkan hasil seminar ini nanti akan melengkapkan lagi data dan maklumat tentang pencapaian Dunia Melayu khususnya dalam konteks Malaysia.

15. Akhir kata, dengan lafaz BISMILLAHHIRRAHMINIRRAHIM saya merasmikan Seminar Kebangsaan Alam dan Tamadun Melayu.

*Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.